

11 OCT 1999

Taib-Pembangunan

SARAWAK KAJI SEMULA DASAR BAGI BABITKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA

KUCHING, 11 Okt (Bernama) -- Kerajaan Sarawak sedang mengkaji semula dasar pentadbirannya bagi mewujudkan rakan kongsi bijak dengan sektor swasta bagi mempercepatkan rentak pembangunan di negeri itu.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini berkata kejayaan melaksanakan pelan pembangunan bergantung tidak sahaja kepada jentera kerajaan tetapi juga tahap penyertaan antara perkhidmatan awam dan orang ramai.

"Oleh itu kerajaan patut mengubah cara pentadbirannya bagi membolehkan sektor swasta turut sama bertanggungjawab tanpa terlalu banyak memberi tumpuan kepada mencari keuntungan semata-mata," katanya semasa merasmikan Kongres Kualiti Antarabangsa Sarawak '99 di sini.

Sebanyak 300 peserta dari seluruh negara serta Indonesia, Amerika Syarikat, Republik Dominica, Mexico dan Filipina menyertai kongres tiga hari yang pertama kali berlangsung di sini.

Bagaimanapun Taib berkata di Sarawak, swasta perlu memahami bahawa mereka perlu mengubah fikiran orang ramai supaya menerima mereka sebagai jentera pembangunan.

Katanya antara bidang kerjasama yang menguntungkan ialah perubahan kepada pengurusan berkualiti melalui pengiktirafan ISO 9000 bagi membolehkannya bersaing di pasaran global yang terbuka.

Setakat ini, 229 pertubuhan dalam sektor awam dan swasta di Sarawak sedang berusaha mendapatkan status itu bagi menyertai 10 agensi kerajaan dan dua syarikat swasta yang sudah memperolehnya.

Mengenai pengurusan kualiti, Taib berkata berdasarkan status ISO 9000 sebagai konsep yang dinamik, kakitangan awam seharusnya menyerap sikap baik itu.

Sebagai contoh, katanya di Malaysia, kerajaan bersama pergerakan buruh dan sektor korporat sedang bekerja rapat bagi memastikan pekerja berkualiti diwujudkan melalui pengurusan berkualiti.

Di peringkat kerajaan, ia telah beransur-ansur menanam kesedaran mengenai kerjasama yang menguntungkan dengan menyediakan peruntukan bagi melatih sumber tenaga manusia, katanya.

Menurutnya syarikat yang lebih besar juga sudah menerima idea itu dengan bersikap lebih peka kepada perubahan yang kerap berlaku dalam masyarakat.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Taib yang juga pengerusi Barisan Nasional negeri berkata kesemua parti komponen sedang bersiap sedia bagi menyambut ulangtahun BN yang ke-25 tahun pada 24 Okt ini.

Beliau akan mewakili BN Sarawak pada sesi sidang video antara pemimpin BN negeri dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada tarikh itu.

BN Sarawak dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (Snap).

-- BERNAMA

CJ LAT MAI